

Headline	Bukan hanya babi, arak		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Feb 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	19	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,668
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,004



Bukan hanya babi, arak

Sensitiviti terhadap makanan haram perlu dipertingkatkan apabila produk diragui berlambak di pasaran

SAMBUTAN bulan keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. kali ini diselubungi kebimbangan meningkatnya gejala murtad di kalangan masyarakat Islam.

Ada sebilangan masyarakat Islam tidak berpegang kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa sehingga mengadaikan agama demi habuan dunia yang sementara.

Pembabitan masyarakat Islam dalam perkara ini walaupun sedikit, tetapi jika tidak diatasi boleh merosak nilai jati diri kepercayaan Islam yang wajib dipelihara sekalipun nyawa galang gantinya.

Akibatnya lagi banyak perkara yang membabitkan halal dan haram tidak dapat diselesaikan dek kerosakan akidah yang membelenggu umat Islam.

Realitinya ia isu lapuk yang berpanjangan hingga kini.

Realitinya, bukan mudah umat Islam meloloskan diri daripada kemelut ini.

Justeru tidak hairan jika aspek pemantapan akidah dan akhlak dalam skop yang luas pernah menjadi fokus utama Nabi Muhammad ketika berdakwah di Kota Suci Makkah.

Ini kerana tanpa kepercayaan mantap, halal dan haram tidak dipedulikan.

Begitu pula tanpa nilai akhlak yang mulia seseorang boleh terpesong.

Lihat kepada makanan harian seisi keluarga pada siang dan malam.

Berapa ramai umat Islam mengambil serius mengenai

perkara ini sehingga semua yang dibeli dan dimasak adalah produk berstatus halal?

Atau mungkin penilaiannya hanya berdasarkan selera dan keinginan nafsu makan semata-mata sehingga yang haram pada pandangan mereka hanya apabila memakan produk berasaskan babi dan arak.

Isu ini lebih besar daripada

Headline	Bukan hanya babi, arak		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Feb 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	19	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,668
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,004

sekadar itu.

Kebanyakan orang prihatin terhadap penyembelihan ayam yang mesti disembelih dengan nama Allah dan mengikut peraturan syariat.

Akan tetapi, pernahkah anda fikir mengenai makanan dan vitamin yang diberikan kepada ayam sehingga dalam tempoh 40 hingga 50 hari saja sudah matang dan boleh dijual. Persoalannya adakah

dedak itu halal? Apakah bahan asas untuk menyediakan dedak makanan ayam dan ternakan lain juga halal? Dari mana ia diperolehi dan pelbagai persoalan lain yang perlu difikirkan.

Persoalan ini disulitkan lagi

dengan budaya makan di luar yang semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat Islam dewasa ini.

Adakah pengusaha kedai makanan yang beragama Islam sensitif sehingga semua bahan asas untuk menyediakan jua-dah halal lagi berkhasiat?

Atau mungkin mereka lebih menitikberatkan keuntungan lalu isu halal dan haram tidak diendahkan.

Boleh saja mereka mengaut keuntungan berlipat kali ganda berikutan produk yang tiada logo halal lebih murah dan mudah diperolehi di pasaran.

Keadaan ini diburukkan lagi dengan restoran yang ber-

selindung di sebalik ayat suci al-Quran sebagai hiasan dan pelayan yang berkopiah sepanjang masa sedangkan mereka bukan beragama Islam.

Begitu pula sikap pengusaha produk makanan yang memalsukan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sehingga mengaburi pengguna Islam yang mula sedar akan kewajipan mencari yang halal.

Produk yang diragui berlambak di pasaran sehingga sukar untuk dielakkan apatah lagi jika ia benar-benar diperlukan.

Malah, jika direnung-renungkan isu ini bukan lagi

isu remeh-temeh kerana membabitkan hubungan an-

tara makhluk dan Allah.

Ia membabitkan penerimaan ibadat di sisi Allah.

Makanan yang halal dan haram menjadi asbab untuk doa dan segala permohonan diperkenankan olehNya.

Sehubungan itu, masyarakat Islam perlu prihatin dan sensitif.

Sesungguhnya makanan yang halal mencorakkan peribadi setiap individu Muslim.

MOHD ALI MUHAMMAD DON
Pensyarah Pusat
Pemikiran dan Kefahaman
Islam

Universiti Teknologi Mara
(UiTM) Kampus Bandaraya
Johor Bahru